

SULIT

1103/1

1103/1
Bahasa Melayu
Kertas 1
2017
2 ¼ Jam

PENILAIAN PERCUBAAN SPM

NEGERI PAHANG

2017

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : **Bahagian A dan Bahagian B.***
2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan satu soalan daripada **Bahagian B.***
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi **3** halaman bercetak

Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Lihat gambar di bawah dengan teliti.

Huraikan pendapat anda tentang **usaha-usaha memupuk jati diri remaja**. Panjangnya huraian hendaklah **antara 200 hingga 250 patah perkataan**.

USAHA MEMUPUK JATI DIRI REMAJA

Menghargai tokoh
pejuang tanah air

Kempen oleh pihak
kerajaan

Menghayati mata
pelajaran Sejarah

Bahagian B

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

[100 markah]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**.

1. Anda selaku Tokoh Usahawan Desa peringkat negeri diminta menyampaikan sebuah ceramah kepada sekumpulan usahawan desa di tempat anda. Tajuk ceramah tersebut ialah 'Rahsia Menjadi Usahawan Desa yang Berjaya'.
Sediakan teks ceramah tersebut selengkapnya.

2. Keluarga bahagia merupakan keluarga yang penyayang, bertolak ansur dan sering menyantuni antara satu sama lain.
Sehubungan dengan itu, jelaskan ciri-ciri keluarga bahagia idaman anda.

3. Pengguna bijak mendatangkan pelbagai manfaat kepada keluarga.
Jelaskan manfaat-manfaat tersebut.

4. Sukan merupakan wahana penyatuan masyarakat antarabangsa.
Jelaskan kepentingan bersukan kepada masyarakat global.

5. *Jikalau ilmu tidak sempurna,
Tiada berupa ia berguna;*

*Ilmu kepandaian boleh dikejar,
Asal mahu rajin belajar.*

(Gurindam Beberapa Petua Hidup, Zaaba)

Huraikan kepentingan ilmu kepada remaja.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

1103/2
Bahasa Melayu
Kertas 2
2017
2¹/₂ Jam

PENILAIAN PERCUBAAN SPM

NEGERI PAHANG

2017

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **4 soalan**.*
 2. *Jawab **semua soalan**.*
 3. *Jawapan bagi **Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d)** dan **Soalan 4** berdasarkan teks **Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5**.*
 4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan rumi atau jawi.*
-

Kertas soalan ini mengandungi **9** halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **usaha-usaha melestarikan permainan tradisional** dan **kekangan-kekangan untuk memajukannya**. Panjangnya rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Permainan tradisional merupakan permainan yang dicipta oleh masyarakat tradisional, iaitu merujuk permainan budaya yang sudah diamalkan oleh masyarakat itu untuk satu tempoh yang tertentu. Permainan tradisional ini juga sebagai pelengkap alam kanak-kanak pada masa silam untuk berkongsi keriang dan kegembiraan. Mereka cuma perlu berkawan, namun bukan lagi resam kepada kanak-kanak masa ini yang begitu terdedah kepada peralatan telekomunikasi yang amat mengasyikkan dan menenggelamkan beberapa jenis permainan tradisional yang tersohor pada suatu ketika dahulu. Ekoran daripada itu, permainan tradisional semakin dilupakan, namun masih terdapat prakarsa untuk terus melestarikan sekali gus *mengembalikan nostalgia* warisan budaya ini.

Permainan tradisional ini bukanlah semata-mata mengisi masa lapang, tetapi juga meningkatkan daya kreativiti, memupuk semangat berpasukan dan melatih kekuatan mental dan fizikal. Secara tegasnya, permainan tradisional memang wajar diketengahkan pada peringkat negara dan serantau. Minat yang mendalam terhadap permainan tradisional seperti wau, layang-layang, sepak raga dan gasing tidak cukup sekiranya tiada kemudahan untuk permainan ini. Bagi menangani isu ini, kerajaan haruslah menyediakan lebih banyak tempat atau gelanggang permainan tradisional. Berkaitan dengan pembinaan gelanggang, kerajaan boleh memajukan permainan ini dengan menyediakan jurulatih di setiap gelanggang yang telah disediakan. Pada masa yang sama, masyarakat tempatan juga boleh berganding bahu mewujudkan tapak permainan tradisional di kawasan perumahan atau kampung mereka. Hal ini secara tidak langsung dapat menarik perhatian penduduk sekitar untuk beriadah bagi mengeratkan silaturahim sesama mereka.

Di samping itu, hotel tempatan dan pusat peranginan yang terkemuka di negara kita juga patut menyediakan ruang dan tapak serta alat permainan tradisional kepada pelancong asing. Sempena Tahun Melawat Malaysia, setiap negeri perlu menyetengahkan permainan tradisional dalam acara yang disusun bagi menyerlahkan warisan seni budaya yang penuh nilai estetika bagi menggamit pelancong. Sebagai contoh, kerajaan Kedah merancang menganjurkan program sukan, Eagle Cup Sepak Takraw bersempena Tahun Melawat Kedah 2016. Selain itu, Festival layang-layang Sedunia Pasir gudang yang dianjurkan setiap tahun perlu diteruskan untuk menarik lebih banyak pengunjung dari dalam dan luar negara.

Usaha menghidupkan kembali permainan tradisional boleh dilakukan oleh pihak sekolah dengan menganjurkan Kelab Permainan Tradisional dalam aktiviti kokurikulum. Permainan ini amat penting untuk kehidupan generasi muda kerana dapat membantu perkembangan diri. Melalui permainan tradisional mereka mempelajari cara mematuhi peraturan, menyesuaikan diri dan menyelesaikan masalah. Dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan, Kementerian

Pendidikan Malaysia (KPM) turut memperuntukkan seni, warisan dan budaya dalam aktiviti kokurikulum. Seni, warisan dan budaya bangsa Malaysia yang dimaksudkan termasuklah tarian, muzik, kraf, tulisan jawi syair, permainan tradisional dan seni pertahanan diri. Penyebaran maklumat tentang permainan tradisional kepada masyarakat melalui media massa juga tidak harus dipandang remeh. Hal ini kerana media merupakan saluran utama dalam pencarian maklumat terutama dalam kalangan remaja. Jabatan Warisan Negara atau kerajaan negeri perlulah lebih kerap menganjurkan festival, pertandingan dan kempen bagi mengetengahkan permainan tradisional kepada masyarakat agar dapat menanamkan rasa cinta terhadap warisan negara kepada generasi muda.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Melestarikan Permainan Tradisional Warisan Negara'
Oleh Samat Buang
Dewan Siswa, Jun 2015

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *mengembalikan nostalgia*.
[2 markah]
- (ii) Permainan tradisional mampu merapatkan hubungan silaturahim antara anggota masyarakat.
Apakah kepentingan-kepentingan lain permainan tradisional dalam kehidupan.
[3 markah]
- (iii) Permainan tradisional mampu merangsang perkembangan minda kanak-kanak.
Nyatakan peranan ibu bapa bagi menggalakkan anak-anak melibatkan diri dalam permainan tersebut.
[4 markah]

Soalan 2 (b)- Prosa Moden [Drama]

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- NORA Aiman, cepat pergi tengok kat papan kenyataan sekolah. Ada perkara menarik.
AIMAN Apa yang menarik sangat. Ada berita tentang aku keluar kat surat khabar, ke?
NORA Bukanlah. Kau ini memang gila glamor betul. Ini tentang nama pelajar yang terpilih untuk menyertai PLKN. Kalau tak silap aku tadi, aku ada nampak kau juga.
- AIMAN Malas aku kalau pasal tu. Aku nak pergi kantin cari makan lagi bagus.
NORA Kau ni teruklah. Langsung tak ada semangat cinta akan negara sendiri. Jahanam negara kita ini kalau ramai yang berfikiran macam kau. Malu aku ada kawan macam kau.
- AIMAN Janganlah merajuk. Tak baik kau cakap macam tu kepada aku. Hmm, apa kata aku belanja kau sarapan pagi ini?
NORA Tak payahlah kau gunakan wang kau untuk pujuk aku. Jangan ingat dengan wang kau boleh dapat semua perkara yang kau mahukan.
(AIMAN terkejut dengan tindakan NORA kepadanya. Selama ini mereka sentiasa bersependapat dalam pelbagai perkara. Tetapi tidak pada kali ini. AIMAN kehairanan, lalu terus menuju ke kantin)
- SUNDARANI Kau dapat masuk kem mana?
AIMAN Kem? Kem Majidi. Hahaha.
SUNDARANI Sejak bila pula kem itu jadi Kem Latihan Khidmat Negara? Setahu aku, itu kem untuk askar saja. Macam Kem Pulada.
- AIMAN Kau ini lurus bendul betullah. Aku bergurau saja. Cepat betul kau perkara yang aku cakap. Bahaya orang macam kau ini, senang kena tipu. Kau sibuk tanya aku, kau dapat kem mana?
- SUNDARANI Kem De Bana Jempol.
AIMAN Di mana kem itu? Tak pernah dengar pun nama tempat itu.
SUNDARANI Buta sejarah betul kau ni. Jempol kan dalam kawasan Negeri Sembilan.

Dipetik daripada drama 'Berkhidmat Untuk Negara'
Oleh Affix Zulkarnean Adam
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang Dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Nyatakan reaksi Aiman setelah Nora menyatakan yang dia terpilih menyertai PLKN?
[2 markah]
- (i) Sebahagian besar golongan remaja kurang berminat untuk menyertai PLKN . Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang boleh dilakukan untuk menarik minat remaja menyertai program ini.
[3 markah]
- (ii) Jelaskan satu pengajaran yang terdapat dalam petikan dan satu pengajaran lain daripada drama tersebut yang tidak terdapat dalam petikan.
[4 markah]

Soalan 2 (c) - Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka ada seorang orang Kelang mengatakan dirinya teraniaya oleh Tun Perak sedikit. Maka ia berdatang sembah ke bawah duli baginda. Maka baginda memberi titah kepada bentara Seri Amerta, menyuruh berkata kepada Tun Perak. Maka Tun Perak pun datang mengadap. Maka Seri Amerta pun berkata kepada Tun Perak, “Orang ini, Ya Tuan Tun Perak, **mengadukan halnya** ke bawah Duli Yang Dipertuan, mengatakan dirinya teraniaya oleh Tun Perak. Mengapakah maka demikian pekerti tuan hamba?”

Maka diam Tun Perak tiada disahutinya kata Seri Amerta itu. Setelah tiga kali Seri Amerta berkata-kata itu, maka barulah disahutinya oleh Tun Perak, katanya “ Tuan Seri Amerta, akan tuan hamba dijadikan Yang Dipertuan Bentara, dianugerahi pedang sebilah itu jua tuan hamba peliharakan baik-baik, usahakan jangan diberi berkarat kemakanan. Akan pekerjaan kami orang memegang negeri di mana tuan hamba tahu? Jikalau sebesar tempurung sekalipun, negeri namanya; baik juga kepada kami, maka kami kerjakan, kerana Yang Dipertuan tahu akan baiknya juga kepada kami, tiada tahu akan jahatnya. Tetapi jikalau Duli Yang Dipertuan hendak mencerca hamba sebab orang itu, pecatlah hamba dahulu, maka cercakan hamba dengan dia. Jikalau hamba belum dipecat bagaimana hamba hendak dicerca?”

Shahadan , maka berkenan Sultan Muzaffar Shah mendengar kata Tun Perak itu. Pada hati baginda, “ Adapun Tun Perak ini tidaklah patut jadi bentara lagi, patut menjadi Perdana Menteri”.

Dipetik daripada
'Burung Terbang Dipipiskan Lada'
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berikan maksud rangkai kata **mengadukan halnya**.
[2 markah]
- (ii) Apakah alasan-alasan yang diberikan oleh Tun Perak apabila Seri Amerta menyatakan seorang orang Kelang dianiaya olehnya?
[3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah ciri-ciri yang sepatut dimiliki oleh individu yang layak dilantik menjadi seorang pemimpin?
[3 markah]

Soalan 2 (d) - Sajak

Baca gurindam di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Erti Hidup Bererti

Aku selalu didatangi,
malam sepi
bagai kalung
yang melingkari leherku
tidak berubah keesokan hari
siapa yang akan datang menjengukku
keluhan seorang tua sunyi.

Keheningan tasik
kehijauan rumput
hanya menjadi bayangan
di penjuru ruang zaman
cinta dalam rahim dilupai
dari sulung ditendang ke bongsu
dari angah ditendang ke sulung balik
kucari erti hidup
menderita mengerang sakit
berdiri tanpa ruang

Aku bagi mereka
tiada makna
anakku bakaku
baik setia mahupun derhaka
semoga disirami benih keinsafan
menjadi penawar dalam hati
embun cinta atasi angin dingin
jangan terpegun
ada yang mati
ada yang hidup
tiada yang kekal kecuali Tuhan

Teo Wei Sing

Antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Nyatakah sikap anak-anak terhadap ibu dalam sajak di atas. [2 markah]
- (ii) Anak-anak merupakan permata hati ibu bapa. Apakah tindakan yang wajar dilakukan oleh anak-anak lakukan untuk membahagiakan ibu bapa sekiranya mereka tinggal berjauhan? [3 markah]
- (iii) Jelaskan dua persoalan yang terdapat dalam sajak di atas? [4 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab **semua** soalan

(a) Tulis **satu ayat bagi setiap kata majmuk** di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, atau menggunakan kata majmuk itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) akar tunjang
- (ii) gerak balas
- (iii) garam mineral
- (iv) isi padu
- (v) pusat graviti
- (vi) bahan api

[6 markah]

(b) Tukarkan ayat aktif di bawah kepada ayat pasif tanpa mengubah maksud asalnya.

- (i) Kami telah mengesyorkan usul itu kepada pihak berkuasa agar mengambil tindakan dengan segera
- (ii) Kementerian Pendidikan Malaysia akan menganugerahkan sijil penghargaan kepada semua pelajar cemerlang.
- (iii) Beberapa orang anggota keselamatan sedang mengawasi tempat kebakaran itu secara bergilir-gilir.

[6 markah]

(c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan dari segi imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Pertubuhan Klinik 1 Malaysia mampu mengurangkan beban pesakit di klinik kesihatan di kawasan bandar.
- (ii) Pelbagai usaha telah dijalankan oleh kerajaan untuk menarik pelancung asing kunjungi ke negara ini.
- (iii) Dalam usaha menempa kejayaan, ibu-bapa sewajarnya bertanggungjawab pembentukan anak-anak menjadi modal insan berminda kelas pertama.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah** dan **satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Cikgu Nadia meminta semua murid memuat naik nota Sejarah daripada laman sesawang itu untuk digunakan oleh kami dalam sesi pembelajaran nanti.
- (ii) Penceramah itu menerangkan tentang kebaikan aktiviti kitar semula yang dapat mengatasi masalah kekurangan tapak penghapusan sampah di negara ini.
- (iii) Pelbagai resipi yang menaikkan selera pelanggan dipamerkan di hadapan pintu masuk Kamariah Restoran.

[6 markah]

(e) *Nyatakan peribahasa yang sesuai dengan situasi yang diberi.*

- (i) Hadiah kemenangan dalam acara tarik tali itu dibahagi secara adil kepada semua ahli kumpulan.
- (ii) Sekiranya kita ingin mencapai kejayaan dalam hidup, kita perlulah berusaha dengan gigih tanpa rasa jemu.
- (iii) Pasukan penyelamat mengambil langkah berjaga-jaga menyiapkan bantuan kepada mangsa banjir sebelum musim tengkujuh tiba.

[6 markah]

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut :

- (i) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
 - (ii) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
 - (iii) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhani Matdarin
 - (iv) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
 - (v) Tirani karya Beb Sabariah
 - (vi) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
 - (vii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
 - (viii) Silir Daksina karya Nizar Parman
- (a) Peristiwa dalam sesebuah novel dapat menimbulkan kesedaran kepada pembaca. Berdasarkan dua peristiwa **sebuah** novel yang anda pelajari, huraikan sebab-sebab peristiwa itu dapat menimbulkan kesedaran kepada pembaca. [7 markah]
- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, jelaskan **satu** peristiwa yang boleh dikaitkan dengan kerjasama antara watak utama dan watak sampingan. [8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT